



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT
DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR MENGENAI FUNGSI DAN
PERANAN PEJABAT DAERAH DAN AGENSI LAIN
BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN DAN
PEWARTAAN KAMPUNG SERTA PENGGUBALAN
SEBUAH ENAKMEN KHAS UNTUK TUJUAN INI**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Taklimat Isu Pewartaan Kampung Tradisi Di Negeri Selangor oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Luar Bandar & Kampung Tradisi dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan, UPEN Dan PTGS	2
4	Penemuan Jawatankuasa	10
5	Saranan Jawatankuasa	11
6	Perakuan	13
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	14
	Urus setia	14
	Turut Hadir	15

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI FUNGSI DAN PERANAN PEJABAT DAERAH DAN AGENSI LAIN BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN DAN PEWARTAAN KAMPUNG SERTA PENGGUBALAN SEBUAH ENAKMEN KHAS UNTUK TUJUAN INI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 JP-PADAT telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali pada 10 Disember 2020, 24 Disember 2020 dan 21 Januari 2021. Dalam Mesyuarat pertama bertarikh 5 Jun 2020, JP-PADAT mengambil maklum bahawa salah satu tugas dan fungsi kesemua sembilan Pejabat Tanah dan Daerah di Selangor adalah untuk mengurus pembangunan di kawasan kampung. telah menetapkan rangka kerja mengenai isu berbangkit yang perlu diteliti.
- 1.2 JP-PADAT telah bersetuju untuk meneliti isu berkaitan pengisytiharan bagi sesebuah kampung yang didapati masih kabur. Oleh yang demikian, Jawatankuasa telah bersetuju untuk menjemput jabatan/agensi yang berkaitan untuk memberi taklimat tertutup agar dapat memberi pencerahan terhadap isu-isu berkaitan ciri-ciri, bidang kuasa, pentadbiran, pengurusan dan peruntukan yang sering dibangkitkan berhubung kampung-kampung di Negeri Selangor terutamanya kampung tradisi dan kampung baru.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JP-PADAT pada mesyuarat bil. 11/2020 tarikh 24 Disember 2020 menjemput Pengerusi Jawatankuasa Tetap Luar Bandar & Kampung Tradisi Dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan, PLANMalaysia, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) untuk memberi taklimat dan membincangkan isu kampung khususnya kampung tradisi dan kampung baru di Negeri Selangor. Mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa berikut:

1. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting)
2. Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli
(ADN Kawasan Bukit Melawati)

3. Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong)
4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
5. Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan
(ADN Kawasan Taman Templer)

3. TAKLIMAT ISU PEWARTAAN KAMPUNG TRADISI DI NEGERI SELANGOR OLEH Pengerusi Jawatankuasa Tetap Luar Bandar & Kampung Tradisi dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan, UPEN dan PTGS

- 3.1 Y.B. EXCO memaklumkan bahawa buat masa ini tiada peruntukan pekeliling atau enakmen khas bagi tujuan pewartaan kampung di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.
- 3.2 Y.B. EXCO juga memaklumkan bahawa pewartaan hanya melibatkan kawasan dan tapak yang mempunyai nilai warisan sahaja seperti Kampung Morten di Melaka. Kampung Morten ini pada asalnya adalah Kampung Warisan dan ditukar nama kepada Kampung Morten yang mana kampung ini masih mengekalkan nilai-nilai warisan dan tradisi.
- 3.3 Selain dari itu, di bawah peruntukan Seksyen 28 Sabah Land Ordinance 1930 Kerajaan Negeri Sabah bolehewartakan sesebuah kampung sebagai kampung warisan.
- 3.4 JP-PADAT mengambil maklum terdapat 46 kampung yang mempunyai melebihi 10,000 penduduk dan terdapat 26 kampung dalam sempadan kawasan bandar yang berdepan dengan tekanan pembangunan tinggi.
- 3.5 PLANMalaysia telah selesai membuat kajian pada tahun 2019 dan di dalam Pelan Hala Tuju Strategik Desa Negeri Selangor (PHTSDNS) 2035 mencadangkan penstrukturan semula kampung yang melibatkan 27 buah kampung. Kampung-Kampung yang terlibat adalah seperti berikut:

DAERAH	NAMA KAMPUNG	JENIS KAMPUNG
Klang	Kg. Raja Uda	Tradisi
	Kg. Rantau Panjang	Tradisi
	Kg. Delek	Tradisi
	Kg. Sungai Udang	Tradisi
	Kg. Sungai Pinang Bandar	Tradisi
	Kg. Kuantan	Tradisi
	Kg Jawa	Tradisi
	Kg. Padang Jawa	Tradisi
	Kg. Baru Pandamaran	Baru
	Kg. Pandamaran Jaya	Tradisi
	Kg. Telok Gadong	Tradisi
	Kg. Batu 4 Jalan Kapar	Tradisi
	Kg. Meru	Tradisi
	Kg. Bukit Naga	Tradisi
Petaling	Kg. Batu 14, Puchong	Tradisi
	Kg. Baru Seri Kembangan	Baru
	Kg. Padang Jawa	Tradisi
	Kg. Sungai Kayu Ara	Tradisi
Gombak	Kg. Laksamana	Tradisi

	Kg. Gombak Utara	Tradisi
	Kg. Selayang Baru	Tradisi
Hulu Langat	Kg. Pandan Dalam	Tradisi
Kuala Selangor	Kg. Sungai Kajang	Tradisi
	Kg. Assam Jawa	Tradisi
Hulu Selangor	Kg. Dato' Harun (Melayu)	Tradisi
Kuala Langat	Kg. Telok Panglima Garang	Tradisi
	Kg. Banting	Tradisi

3.6 Sehingga Disember 2020, terdapat 522 buah kampung yang terdiri daripada:

- (a) 371 kampung tradisi
- (b) 16 kampung tersusun
- (c) 42 kampung baru
- (d) 19 kampung bagan/nelayan
- (e) 74 kampung orang asli.

3.7 Definisi dan ciri-ciri sokongan desa adalah seperti berikut:

DEFINISI	Petempatan desa ditakrifkan sebagai kawasan selain daripada kawasan bandar.
SAIZ PENDUDUK	<10,000 penduduk.
JENIS PETEMPATAN	Berkepadatan rendah. (a) Petempatan kampung tradisional ● Kampung Tradisi ● Kampung Bagan ● Kampung Orang Asli

	(b) Petempatan tersusun - Merupakan kampung yang dirancang berasaskan beberapa sebab seperti penempatan semula kampung, pemberian tanah dan bencana alam. Petempatan tersusun terdiri dari dua (2) jenis kampung iaitu: (i) Kampung Tersusun (ii) Kampung Baru
CORAK PETEMPATAN	- Berbentuk berkelompok/berpusat, berjajar (<i>linear</i>) dan berselerak. - Terletak sama ada di tanah rata, tanah tinggi, lereng-lereng bukit, di atas sungai atau tasik dan di sepanjang jalan.
CORAK GUNA TANAH	- Tahap urbanisasi yang rendah. - Kawasan tepubina <50% daripada jumlah keseluruhan kawasan desa.
CIRI-CIRI SOKONGAN	- Kemudahan masyarakat yang memenuhi keperluan tempatan dan berpusat. - Asas ekonomi dan pekerjaan utama penduduk adalah pertanian, industri asas tani dan perniagaan berskala rendah. - Kaya dengan sumber alam semulajadi.

3.8 Jenis petempatan desa yang mempunyai sempadan spatial adalah seperti berikut:

KAMPUNG TRADISI	- Wujud secara organik. - Merupakan kawasan penempatan yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu untuk beberapa generasi dan mempunyai ciri-ciri perkampungan Melayu yang menonjol. - Kampung tradisi di bandar menampung bilangan penduduk yang tinggi - majoriti terlibat dengan aktiviti perbandaran. - Manakala kampung tradisi di desa lazimnya
------------------------	---

	berdensiti rendah. Taburan petempatan dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi setempat seperti pertanian, perlombongan dan sebagainya. Corak adalah berjajar atau berkelompok.
KAMPUNG TERSUSUN	• Kampung yang dirancang berasaskan beberapa sebab seperti penempatan semula kampung, pemberian tanah (seperti FELDA dan FELCRA) dan bencana alam. • Densiti rendah dan sederhana. • Penduduk terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi.
KAMPUNG BARU	• Merupakan penempatan baru yang diwujudkan pada zaman darurat pada sekitar tahun 1948-1960 bagi mengatasi masalah ancaman komunis. • Corak petempatan adalah berpusat dan berbentuk '<i>grid iron</i>'. • Pelbagai densiti mengikut lokasi. • Pekerjaan utama penduduk adalah lebih kepada aktiviti ekonomi perbandaran dan perkhidmatan. • Majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat Cina.
KAMPUNG BAGAN	• Petempatan yang wujud di sepanjang kawasan pesisiran sungai/pantai secara tidak terancang. • Merupakan perkampungan nelayan dengan aktiviti utamanya tertumpu kepada hasil penangkapan hasil laut. • Corak petempatan adalah berselerak dan menjajar. • Majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat Cina.
KAMPUNG ORANG ASLI	• Merupakan petempatan kampung Orang Asli yang telah diiktiraf oleh JAKOA. • Wujud secara berselerak mengikut suku kaum. • Lazimnya terletak di kawasan pedalaman dan pesisiran pantai.

	● Melibatkan aktiviti pekerjaan sara diri seperti pertanian, hasil hutan, memburu dan menangkap ikan.
--	---

3.9 PTGS memaklumkan ketika ini pewartaan boleh dilakukan terhadap tujuan berikut:

3.9.1 Seksyen 62 (2) & (3) KTN, sesebuah kampung atau kawasan boleh diwartakan bagi **tujuan awam**.

3.9.2 Akta 645, AKta Warisan Kebangsaan 2005 bagi pengisytiharaan tapak atau **zon warisan**.

3.9.3 Seksyen 16A, Akta 172 bagi penyediaan **Rancangan Tempatan (RT)** dan Seksyen 16B Akta 172 bagi penyediaan **Rancangan Kawasan Khas (RKK)** akan tetapi dokumen ini boleh terlibat dengan penggubahan dan tidak mewartakan sempadan seperti yang telah dilaksanakan di kampung Sungai Ramal dan Kampung Sungai Pusu.

3.10 PLANMalaysia memaklumkan terdapat isu dan cabaran yang perlu dihadapi sebelum sesebuah kampung itu diwartakan seperti berikut:

a) Tiada peruntukan pekeliling atau enakmen khas bagi tujuan pewartaan kampung. Pihak Berkuasa Negeri boleh menggubal enakmen khas bagi tujuan pemetaan di Negeri Selangor akan tetapi perlu mencari punca kuasa yang utama sebelum menggubal pekeliling/enakmen yang berkaitan. Sebagai contoh Kerajaan Sabah melalui Jabatan Tanah dan Ukur telah mengambil langkah untuk mewartakan tanah-tanah perkampungan tradisi di negeri tersebut. Usaha itu bagi mewartakan tanah-tanah perkampungan tradisi yang telah diukur tetapi belum diwartakan sama ada dibawah Seksyen 28 Ordinan Tanah Bab 68 sebagai Skim Penempatan atau dibawah Seksyen 78 Ordinan Tanah Bab 68 sebagai Tanah Simpanan Perumahan Anak Negeri.

b) Pewartaan hanya melibatkan kawasan untuk tapak atau kawasan bernilai warisan sahaja. Seperti di dalam Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Enakmen PADAT) juga, pewartaan tertakluk kepada kawasan berkepentingan warisan sahaja. Pewartaan kawasan warisan ini melibatkan proses yang panjang dan

memerlukan kajian lanjut terhadap pembuktian kawasan yang mempunyai nilai sejagat yang luar biasa (*Outstanding Universal Value*) tersendiri sebelum kawasan tersebut diwartakan.

- c) Kriteria penentuan sempadan yang berbeza bagi setiap kampung. Kriteria yang berbeza bagi setiap kampung dan memerlukan kajian khas bagi mengupas dengan lebih lanjut ciri-ciri atau kriteria yang berkait dengan kampung yang terlibat.

3.11 PLANMalaysia memaklumkan kriteria penentuan sempadan kampung ini adalah berdasarkan PHTSDNS 2035 dan perbincangan dilakukan bersama Majlis Pengurusan Ketua Kampung (MPKK), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan UPEN. Terdapat beberapa kriteria penetapan sempadan kampung dalam konteks perancangan bandar dan kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- a) Fizikal - Jalan/laluan rel, sungai/parit/tali air, topografi dan rentis/laluan gas
- b) Guna tanah - perumahan, komersial, perindustrian, infrastruktur, pertanian, hutan dan lombong
- c) Taburan bangunan semasa - berselerak, sejajar, kelompok dan berpusat
- d) Lot tanah - lot kadaster
- e) Sosial - bilangan penduduk dan etnik
- f) Kemudahan awam - pendidikan, kesihatan, keagamaan, keselamatan, komuniti dan rekreasi
- g) warisan/sejarah - pendidikan, kesihatan, keagamaan, keselamatan dan rekreasi
- h) Pentadbiran - Sempadan parlimen, sempadan DUN, sempadan PBPT, maklumat MPKK, maklumat kariah, dan sempadan kampung
- i) Perundangan - KTN 1965, Akta Perhutanan dan Tanah Rizab Melayu
- j) Potensi pembesaran kampung - jarak dan saiz.

3.12 'Enklaf Desa' merujuk kepada baki kawasan petempatan yang masih mempunyai ciri-ciri fizikal kedesaan merangkumi landskap semulajadi bercirikan desa, seni bina rumah gaya kampung dan halaman kejiranan berkonsepkan kampung. Penentuan kawasan enklaf tidak termasuk guna tanah perumahan terancang, kawasan industri dan komersial yang berskala besar. Walau bagaimanapun, cadangan enklaf ini hanya tertumpu di 27 kampung yang terlibat dengan kajian PTK Desa dan baki yang lain

perlu dibuat kajian lanjut. Faktor politik dan pandangan setempat dikira sebagai cabaran semasa bagi menyediakan sempadan kampung yang berkaitan.

3.13 PLANMalaysia memaklumkan terdapat tiga (3) cadangan penetapan enklaf desa seperti berikut:

- a) Pengekalan sempadan - keluasan petempatan asal sama dengan saiz asal. Pengecilan saiz petempatan disebabkan limpahan perbandaran berhampiran/dalaman tidak signifikan kepada keseluruhan kampung. Pertambahan populasi/perubahan guna tanah/ penyusutan landskap bercirikan desa berlaku dalam kawasan yang sama secara minimum.
- b) Pengecilan sempadan - keluasan petempatan asal semakin menyusut dari saiz asal. Pengecilan saiz petempatan disebabkan limpahan perbandaran berhampiran/dalaman secara signifikan dan memberi impak kepada keseluruhan kampung. Pertambahan populasi/ perubahan guna tanah/penyusutan landskap bercirikan desa berlaku dalam kawasan yang sama secara maksimum.
- c) Pengecilan dan pecahan sempadan - keluasan petempatan asal semakin menyusut dari saiz asal. Pengecilan saiz petempatan disebabkan berlakunya proses perbandaran dalam kawasan dengan amat signifikan dan memberi impak besar kepada keseluruhan kampung. Sebahagian kejiranan terpisah disebabkan pertukaran guna tanah dan pembinaan jalan raya/lebuhraya sehingga wujud kluster-kluster kecil kawasan desa secara poket. Pertambahan populasi/ perubahan guna tanah/ penyusutan landskap bercirikan desa berlaku dalam kawasan yang sama secara.

3.14 PLANMalaysia memaklumkan perancangan masa depan mereka adalah untuk membuat pewartaan sempadan kampung melalui penyediaan Rancangan Tempatan (RT) atau Rancangan Kawasan Khas (RKK). Bagi mewujudkan RT/RKK, terdapat tiga (3) alat kawalan perancangan yang akan diguna pakai seperti :

- a) Pelan Zoning
- b) Kelas Kegunaan Tanah
- c) Garis Panduan Perancangan Khusus

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 JP-PADAT mendapati terdapat usaha daripada pihak PLAN Malaysia untuk membuat kajian penstrukturan semula kampung dan pihak UPEN sedang mengkaji pelan tindakan kampung. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat kampung rangkaian di Selangor yang mana kampung-kampung ini tidak diwartakan tetapi diletakkan di bawah satu (1) MPKK kecuali Kampung Orang Asli. Kampung-kampung yang tidak diwartakan boleh melantik Ketua sendiri dan diletakkan di bawah jagaan satu (1) MPKK kampung induk.
- 4.2 JP-PADAT mendapati ada proses pemutihan kawasan-kawasan setinggan yang sedang dilaksanakan oleh pihak PTGS walaupun jumlah penduduk dalam bilangan yang sedikit. Sekiranya kawasan setinggan itu di atas tanah kerajaan, PTGS akan melaksanakan pemutihan secara pembermilikan dengan kenaan premium nominal RM1,000 bagi satu (1) hakmilik seperti yang telah dilaksanakan di Kampung Cheras Baru. Penguatkuasaan akan dilaksanakan bagi kawasan setinggan yang berada di atas tanah rizab kerajaan.
- 4.3 JP-PADAT mendapati perlunya penelitian semula sempadan mukim supaya pengurusan seliaan dan jagaan MPKK dapat ditambah baik memandangkan setiap mukim diletakkan di bawah bahu seorang Penghulu. Tugas Penghulu termasuk penyeliaan aktiviti-aktiviti MPKK.
- 4.4 Kawasan MPKK selalunya di luar kawasan pentadbiran PBT dan tidak dikenakan cukai taksiran tetapi proses perbandaran menyebabkan komuniti kampung tradisi juga amat memerlukan perkhidmatan perbandaran. Kriteria penaiktarafan majlis akan memberi kesan kepada kutipan cukai taksiran dan ianya ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Aspek yang perlu dinilai terlebih dahulu adalah bilangan penduduk, kegunaan tanah, kemudahan yang disediakan (institusi) serta kawasan tepubina yang dibekalkan oleh Pegawai Perancang di PBT. Penubuhan MPKK yang disebabkan oleh penubuhan sesebuah kampung semestinya akan melibatkan penambahan peruntukan pengurusan. Sekiranya penaiktarafan PBT berlaku, nilai hartanah di kawasan kampung tradisi juga akan tertakluk kepada penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi menentukan kadar cukai taksiran yang akan dikenakan. Buat sementara waktu, terdapat mismatch dalam aspek ini kerana PBT masih tidak dapat mengenakan cukai taksiran terhadap

hartanah di kampung tradisi sementara komuniti kampung amat memerlukan perkhidmatan PBT.

- 4.5 Kerajaan Negeri melalui bajet 2021 telah memperuntukkan RM1 juta bagi membina kepuk pembuangan sampah di kampung supaya mudah diangkut dan diuruskan oleh PBT. Namun peruntukan ini tidak dapat menampung pembinaan kepuk sampah bagi setiap kampung.
- 4.6 JP-PADAT mendapati tiada agensi yang mengetuai penyediaan PHTSDNS 2035 dan kerjasama antara agensi seperti pihak PLANMalaysia, PTGS, UPEN dan agensi-agensi lain yang berkaitan hanya bersifat reaktif atau perantara sahaja.
- 4.7 JP-PADAT berpendapat bahawa perlunya satu Enakmen khusus untuk tujuan pewartaan setiap jenis kampung diwujudkan bagi mengelakkan isu bidang kuasa yang tidak jelas untuk menguruskan kampung-kampung. Dan cadangan ini telah disokong oleh pihak PTGS.

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1 JP-PADAT menyarankan agar pihak UPEN dapat menyegerakan proses penetapan enklaf desa yang melibatkan pengekalan sempadan, pengecilan sempadan serta pengecilan dan pecahan sempadan kerana rujukan masalah-masalah beberapa kampung kecil kepada satu (1) MPKK kampung induk sudah tidak lagi sesuai dan terdapat pertindihan kampung tradisi dan kawasan perbandaran.
- 5.2 JP-PADAT menyarankan pihak PTGS mempercepatkan proses pemutihan kawasan-kawasan setingan memandangkan jumlah penduduk dalam bilangan yang sedikit boleh didahulukan.
- 5.3 JP-PADAT menyarankan agar penelitian semula sempadan mukim dapat disegerakan supaya pengurusan seliaan dan jagaan MPKK dapat ditambah baik. Kerajaan Negeri disarankan boleh menubuhkan MPKK baharu sekiranya perlu.
- 5.4 JP-PADAT menyarankan penelitian dan kajian terhadap kadar cukai taksiran oleh PBT terhadap mana-mana hartanah di kampung perlu

diperhalusi supaya dapat memberi perkhidmatan perbandaran yang pada kadar yang berpatutan.

- 5.5 JP-PADAT menyarankan agar Kerajaan Negeri menambah peruntukan untuk penyediaan dan penyelenggaraan kepuk sampah di setiap kampung yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah pengurusan sampah.
- 5.6 JP-PADAT menyarankan pelaksanaan PHTSDNS 2035 perlu dikemas dengan baik dan bukannya secara reaktif seperti sekarang di mana ianya perlu diletakkan di bawah pemantauan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar & Kampung Tradisi melalui sebuah agensi atau Jawatankuasa.
- 5.7 Selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Bahagian VI - Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri-negeri, Bab 1 - Pembahagian kuasa perundangan), JP-PADAT menyarankan agar Pihak Berkuasa Negeri mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan satu enakmen ibu bagi melicinkan pewartaan sesebuah kampung itu diwartakan. Ini secara tidak langsung dapat menentukan bidang kuasa mutlak yang melibatkan pengurusan dan peruntukan bagi sesebuah kampung.

6. PERAKUAN

JP-PADAT ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Luar Bandar & Kampung Tradisi Dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan, PLANMalaysia, UPEN dan PTGS dalam menjayakan penyediaan penyata ini. JP-PADAT berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PADAT dalam mesyuarat jawatankuasa Bil. 2/2021 tarikh 21 Januari 2021.

Disahkan oleh:



Y.B. TUAN LAU WENG SAN

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan
Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)
Dewan Negeri Selangor

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT):

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli
(ADN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan
(ADN Kawasan Taman Templer) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |
| 7. Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |

URUS SETIA

1. Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
2. Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
3. Cik Nurul Liyana binti Musa
Penolong Pegawai Tadbir
4. Puan Salmiah binti Hamdan
Pegawai Penyelidik Kanan Pejabat Speaker
5. Cik Cheah Sheue Chyi
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Turut Hadir:

Y.B. Tuan Haji Borhan bin Aman Shah
*Pengerusi Jawatankuasa Tetap Luar Bandar & Kampung Tradisi dan Adat
Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan*

Wakil PLANMalaysia

1. Encik Zulkifli bin Marzuki
2. Puan Siti Marini binti Moktar
3. Puan Nur Haida binti Hassan

Wakil Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)

1. Encik Kamarul Bahri bin Baharum

Wakil Seksyen Sektor, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)

1. Puan Aslynda binti Mohd Dahlan
2. Encik Ahmad Nazmi bin Razali